

## **DIDIK HIBUR SEBAGAI AMALAN PENGAJARAN YANG BERKESAN OLEH GURU TASMIK DI MALAYSIA: SATU SOROTON LITERATUR**

**Sharif Mohd Farid Sharif Basa & Ahmad Fakhrurrazi Mohammed Zabidi\***

*Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia*

*izzar@ukm.edu.my\**

### **ABSTRACT**

*The practice of teaching Tasmik al-Quran by teachers in schools plays an important role in guiding students in reading the Quran well. Tasmik teachers lack understanding of the elements in the practice of teaching based on entertaining education to improve the quality of Tasmik al-Quran teaching so that students can read correctly and fluently. Therefore, this paper aims to highlight the elements of entertaining education-based teaching practices by tasmik teachers in Malaysia. The methodology used is qualitative with a content analysis approach. The data were analyzed descriptively. The results of the literature analysis found that the elements of entertaining teaching practice can be empowered by tasmik teachers with the implementation of various student-centered activities and can attract their interest in learning, especially through entertaining educational activities. Through the implementation of the activity with the concept of entertaining education activities, tasmik teachers are able to improve the skills of reading the Quran among students. The implications of this highlight show a significant justification for the need for further research on the elements of effective entertaining education-based teaching practices by tasmik teachers that can be implemented effectively and comprehensively throughout Malaysia.*

**Keywords:** *Fun Learning, Teaching, Teaching practice, Teacher Tasmik, Quran*

### **ABSTRAK**

Amalan pengajaran Tasmik al-Quran oleh guru-guru di sekolah memainkan peranan penting dalam membimbing murid dalam membaca al-Quran dengan baik. Guru tasmik kurang memahami elemen-elemen dalam amalan pengajaran berasaskan didik hibur bagi meningkatkan kualiti pengajaran Tasmik al-Quran agar murid dapat membaca dengan betul dan fasih. Justeru kertas kerja ini bertujuan untuk menyoroti elemen-elemen amalan pengajaran berasaskan didik hibur oleh guru tasmik di Malaysia. Metadologi yang digunakan berbentuk kualitatif dengan pendekatan analisis kandungan. Data dianalisis secara deskriptif. Hasil analisis literatur mendapati bahawa elemen-elemen amalan mengajar secara didik hibur boleh diperaksakan oleh guru tasmik dengan pelaksanaan pelbagai aktiviti yang berpusatkan murid serta mampu menarik minat mereka untuk belajar khususnya melalui aktiviti didik hibur. Melalui pelaksanaan aktiviti berkonseptan aktiviti didik hibur tersebut, guru tasmik mampu meningkatkan kemahiran membaca Al-Quran dalam kalangan murid. Implikasi daripada sorotan ini menunjukkan justifikasi yang signifikan terhadap keperluan kajian lanjut berkaitan elemen-elemen amalan pengajaran berasaskan didik hibur yang berkesan oleh guru tasmik yang boleh dilaksanakan secara efektif dan menyeluruh di seluruh Malaysia.

**Kata kunci:** *Didik Hibur, Pengajaran, Amalan Pengajaran, Guru Tasmik, al-Quran*

### **PENGENALAN**

Model Tasmik Khatam al-Quran ialah satu program membimbing dan merekod perkembangan bacaan al-Quran murid secara individu berdasarkan program yang diaturkan bagi membolehkan murid khatam al-Quran semasa berada di Sekolah Kebangsaan. Ia dilaksanakan di luar jadual waktu

sekolah. Objektif Model Tasmik ialah murid dapat membaca al-Quran dengan bertajwid dan dapat mengkhatamkan bacaan al-Quran 30 juzuk. Kumpulan sasarannya adalah semua murid yang beragama Islam tahun satu hingga tahun 6 sekolah rendah (Mohd Izzuddin & Azmil Hashim: 2015).

Strategi Pelaksanaan Model Tasmik adalah semua murid hendaklah menggunakan al-Quran rasm Uthmani yang dibekalkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia. Setiap murid perlu mempunyai guru tasmik yang dilantik oleh pihak sekolah. Guru tasmik terdiri daripada Guru j-QAF. Pihak sekolah boleh melantik guru Pendidikan Islam dan guru akademik yang berkebolehan al-Quran untuk terlibat dalam program ini. Murid yang telah khatam al-Quran boleh jadi pembantu kepada guru pembimbing. Guru tasmik hendaklah membimbing bacaan dan merekod bacaan murid dalam Buku Rekod Bacaan setiap kali ditasmik. Murid yang masih tidak dapat membaca al-Quran perlu dibimbing secara berterusan menggunakan kaedah dan aktiviti yang sesuai seperti Kem Literasi Al-Quran, kelas tambahan dan sebagainya oleh guru j-QAF dan Guru Pendidikan Islam atau di panggil guru tasmik (Mohd Izzuddin & Azmil Hashim, 2015).

Setiap murid mesti memiliki Buku Rekod Bacaan al-Quran yang disediakan oleh pihak Kementerian Pelajaran Malaysia. Guru tasmik hendaklah menilai dan mengesahkan pencapaian murid sekurang-kurangnya sekali seminggu dalam Buku Rekod Bacaan. Guru tasmik hendaklah memastikan murid-murid mendapat bimbingan dari guru pembimbing sebelum penilaian dilaksanakan. Murid-murid yang cemerlang boleh meneruskan bacaan tanpa terikat dengan agihan juzuk yang dicadangkan. Bagi melaksanakan agihan yang dicadangkan, murid digalakkan membaca al-Quran setiap hari supaya mereka dapat memberi tumpuan kepada kualiti bacaan. Ini penting terutama bagi murid yang belum menguasai bacaan. Murid boleh membaca dan tasmik bacaan al-Quran pada masa-masa yang sesuai (Mohd Izzuddin & Azmil Hashim: 2015).

Zaleha (2011) menyatakan bahawa pemilihan kaedah yang bersesuaian dengan tahap dan kebolehan pelajar menunjukkan kebijaksanaan seorang guru. Murid yang berjaya kebanyakannya hasil daripada guru yang berkesan serta bijak menggunakan pelbagai alat dan sistematik menyusun aktiviti pengajaran. Isu dunia pendidikan khususnya guru tasmik atau guru Pendidikan Islam sering dikaitkan dengan kelemahan meskipun pelbagai teknik dan strategi pengajaran telah diperkenalkan. Menurut Abdul Jamir et al. (2007) guru hendaklah mempelbagaikan kaedah pengajaran yang bersesuaian dengan tajuk dan tema yang dipilih bagi menarik perhatian dan minat murid. Hal ini, guru tasmik, guru j-Qaf atau guru Pendidikan Islam perlu menguasai pelbagai kemahiran ini.

Kamarul Azmi et al. (2011) menyatakan apabila seorang guru mempunyai pengetahuan dan kefahaman yang luas tentang pelbagai kaedah dalam pengajaran, pembelajaran yang berkualiti akan berhasil. Begitu juga dengan pengajaran Tasmik Al-Quran akan lebih bermakna apabila guru menggunakan pendekatan kaedah pengajaran dan pembelajaran yang bersesuaian dan menarik. Menurut Ismail Zain (2002) ledakan perubahan dunia pada era ini menjadikan profesion guru semakin mencabar apabila kementerian melakukan penambahbaikan ke atas sistem pendidikan dengan penggunaan kaedah atau strategi pengajaran yang lebih berkesan.

## **METODOLOGI**

Kajian ini merupakan kajian kualitatif yang menggunakan pendekatan kaedah ulasan kepustakaan. Pengkaji menggunakan kaedah analisis dokumen untuk membentuk kerangka teori sebagai rujukan asas kepada kajian ini. Pengkaji menggunakan sumber-sumber penyelidikan ilmiah yang terdiri

daripada artikel jurnal, tesis dan kertas persidangan bagi menyelesaikan kajian ini. Bagi memperoleh sumber yang berkualiti, carian dilakukan melalui pengakalan data yang disediakan oleh Perpustakaan Tun Seri Lanang UKM menerusi UKM Institutional Repository (eReP). Selain itu, carian juga dibuat dengan menggunakan platform Google Scholar, Research Gate, Mendelay dan sebagainya. Sumber maklumat yang diperoleh menjadi panduan kepada penulis untuk mendapatkan gambaran yang jelas tentang pengajaran berasaskan didik hibur antara elemen amalan pengajaran yang berkesan di Malaysia seterusnya dapat membuat perbincangan dan kesimpulan bagi dapatan kajian ini. Tujuan kaedah ini dilakukan adalah memperbanyakkan maklumat berkaitan elemen-elemen amalan pengajaran yang berkesan berasaskan didik hibur.

## **DAPATAN KAJIAN**

Amalan pengajaran guru yang berkesan merupakan apa sahaja amalan pengajaran yang menggalakkan kerjasama antara pelajar, menyokong pembelajaran secara aktif dan amalan yang membantu guru meningkatkan pencapaian pelajar melalui pemantauan terhadap kemajuan proses pembelajaran mereka (Berenyi & Deutsch 2018; Raba 2017). Amalan pengajaran berkesan guru dinilai daripada kebolehan amalan yang dilaksanakan menggalakkan pelajar melibatkan diri secara aktif di dalam kelas dan sejauh mana aktiviti berbentuk praktikal boleh dilaksanakan melalui amalan pengajaran tersebut (Unal 2017).

### **Elemen Didik Hibur Nyanyian**

Norhaya Isa, Tuan Rozaimi Tuan Rani, Norazman Mohaimin & Rokiah Mohamed (2006) dalam kajiannya mengenal pasti pendekatan kaedah nyanyian merupakan satu pendekatan baru yang boleh membantu murid untuk membezakan antara perkara rukun dan sunat dalam solat bagi mata pelajaran Pendidikan Islam. Hanisah Shaari (2010), dalam kajiannya ke atas murid-murid yang terlibat dalam aktiviti nyanyian bagi menghafal fakta Isra' dan Mikraj. Beliau bersetuju dan yakin bahawa pendekatan ini telah memberi ruang dan peluang kepada murid untuk melibatkan diri dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran di samping merubah minat mereka untuk belajar.

Khadijah Alavi, Rahim M. Sail, Lukman Abdul Mutalib, Anwar Ahmad, Shamsul Shah Trajo & Nor Ellina Abdul Razak (2012), dalam kajian mereka ke atas Guru Cemerlang Pendidikan Islam untuk mendapatkan maklum balas tentang pengajaran ayat-ayat hafazan al-Quran menggunakan pendekatan Didik Hibur ini. Menurutnya, penggunaan kaedah rentak ritma (belajar mengaji secara berirama) dalam menghafaz al-Quran menjadikan murid cepat menghafaz dan menyeronokkan. Abdullah, R. & Hussin, S. (2018) dalam kajiannya menunjukkan pembelajaran kosa kata bahasa Jepun dengan menggunakan lagu lebih aktif berbanding model pengajaran konvensional. Malahan sampel kajian bermotivasi, tenang dan tidak bosan dalam proses pembelajaran bahasa Jepun. Implikasi kajian ini memberi cadangan bahawa penggunaan lagu dapat meningkatkan penguasaan kosa kata sampel kajian dalam pembelajaran bahasa Jepun di UPM.

Hanifah Sabi net al. (2019) menunjukkan kajian untuk membangunkan Modul Riang Ria Membaca (MRRM) iaitu modul pengajaran membaca awal bagi kanak-kanak prasekolah di pedalaman Sabah menggunakan nyanyian. Pembangunan MRRM memberi sumbangan alternatif kaedah dan sumber pengajaran membaca yang menyeronokkan sesuai dengan dasar kerajaan yang menitikberatkan konsep didik hibur. Hamzah, N et al. (2018) dalam kajiannya menunjukkan penggunaan kaedah nyanyian yang digunakan dapat menarik minat dan dapat meningkatkan persepsi terhadap daya ingatan pelajar Tahun 4 dalam mata pelajaran Reka Bentuk dan Teknologi.

Iswandi Harahap et al. (2022) membuktikan bahawa kaedah berlagu atau bernazam mampu memberi kesan positif dalam meningkatkan daya ingatan hafalan hadis para pelajar. Perkara ini dapat dibuktikan dengan hasil kajian yang dijalankan terhadap pelajar tingkatan 4 MTSTDE. Hasil kajian menunjukkan bahawa kumpulan rawatan yang menjalankan proses pengajaran dan pembelajaran menggunakan kaedah berlagu atau bernazam dapat menguasai dan mengingati 10 buah hadis dengan baik berbanding dengan pelajar kumpulan kawalan yang menjalankan proses pengajaran dan pembelajaran menggunakan kaedah tradisional.

### **Elemen Didik Hibur Permainan**

Sulaiman Mahzan, Siti Fairuz Nurr Sadikan, Mohd Ab Malek Md Shah, Mohd Harun Shahudin, Shamsol Shafie dan Mohamad Hafidz Rahmat (2018) dalam kajiannya melihat sejauh mana penerimaan pengguna terhadap aplikasi didik hibur berkaitan tajwid al-Quran. Nur Afiqah Fatin binti Saipullah & Mohd. Isa bin Hamzah (2020) dalam kajiannya meninjau tahap Penggunaan Multimedia dalam PdPc bidang al-Quran dalam kalangan guru Pendidikan Islam (GPI) sekolah rendah di Sarawak serta tahap kesediaan GPI ini menggunakan multimedia dalam PdPc bidang al-Quran. Shuhaila Ab.Jawas & Hafizhah Zulkifli (2022) dalam kajiannya telah mengenalpasti amalan pengajaran kreatif guru Pendidikan Islam melalui penggunaan teknologi dan gamifikasi yang memerlukan kemahiran dan pengetahuan guru.

### **Elemen Didik Hibur Gabungan (Nyanyian & Mnemonik)**

Norzira Binti Ahmad (2019) dalam kajiannya menunjukkan penggunaan kaedah SINGONIM yang menggabungkan nyanyian dan salah satu kaedah mnemonik iaitu melalui pembentukan akronim amat tepat bagi meningkatkan ingatan dan memaksimumkan penguasaan dan minat pelajar terhadap topik yang dipelajari di dalam kelas. Melalui kaedah ini juga, para pelajar dapat melalui suatu pengalaman pengajaran dan pembelajaran yang ceria dan menyeronokkan di samping mendapat input yang paling berkesan ketika menguasai sesuatu topik. Hal ini sudah pasti meningkatkan tahap motivasi mereka untuk belajar pada tahap yang paling tinggi.

### **Elemen Didik Hibur Gabungan (Permainan, Nyanyian & ICT)**

Siti Syuhaida Misnan et al. (2019) telah mengenal pasti teknik pengajaran dan pembelajaran melalui didik hibur di sekolah-sekolah agama (SRA) di Malaysia. Antara Teknik Didik Hibur yang diguna pakai di sekolah-sekolah rendah agama ialah teknik pengajaran melalui permainan (pertandingan), teknik pengajaran melalui nasyid dan teknik pengajaran menggunakan ICT.

### **Elemen Didik Hibur Gabungan (Bercerita, Berpuisi, berlakon & bernyanyi)**

Owing Ji Seng (2020) menyatakan bahawa pendekatan didik hibur membawa maksud berlaku proses PdPc yang mendidik sambil menghibur tetapi masih terikat dengan objektif pengajaran yang hendak dicapai. Oleh itu, pendekatan didik hibur yang berkesan merupakan pendekatan mengajar oleh guru yang bersahaja dan menyeronokkan dengan menekankan aktiviti bercerita, berpuisi berlakon dan bernyanyi.

### **Elemen Didik Hibur Gabungan (Berlakon & bernyanyi)**

Sajastanah et al. (2021) menyatakan integrasi aktiviti muzikal dalam matematik dapat membantu guru-guru, pihak Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), pihak-pihak yang menyumbang kepada latihan guru seperti Institut Pendidikan Guru (IPG) dan universiti-universiti, sekolah-sekolah dan sektor yang berkaitan dengan pendidikan. Integrasi aktiviti muzikal dalam pengajaran dan pembelajaran matematik adalah salah satu usaha untuk mempelbagaikan kaedah pengajaran dalam bilik darjah yang bersesuaian dengan kehendak pembelajaran abad ke-21 (PAK-21).

### **Elemen Didik Hibur Gabungan (Nyanyian, Bercerita, lakonan & berpantun)**

Pauline Unjong dan Zuraini Seruji (2021) menyatakan dalam kajiannya untuk mendapatkan maklumat tentang penggunaan kaedah didik hibur dalam Bahasa Melayu yang memfokuskan pengajaran dan pembelajaran untuk murid LINUS Tahun 3. Kaedah didik hibur tersebut melibatkan empat elemen iaitu nyanyian, bercerita, lakonan dan menggunakan pantun 2 kerat. Kaedah didik hibur yang dikaji dalam kajian ini adalah merupakan satu pembaharuan yang diperkenalkan kepada murid sebagai kaedah alternatif semasa proses pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu di bilik darjah.

### **Elemen Didik Hibur (Umum)**

Menurut Mohd Rosmadi Mohd Salleh & Hafizhah Zulkifli (2020), dalam proses pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam sekolah rendah, didik hibur merupakan salah satu kaedah pengajaran yang diketengahkan dalam Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) agar murid dapat belajar dalam suasana yang santai dan menyeronokkan. Kajian ini dijalankan bertujuan untuk mengkaji sikap murid, kesediaan murid dan penerimaan murid terhadap pendekatan didik hibur dalam proses pembelajaran Pendidikan Islam. Justeru, kajian ini memberi impak kepada murid dalam membentuk pembelajaran yang kondusif di dalam kelas di samping membentuk sikap yang positif dalam diri mereka.

Salimiah @ Sazarinah Jamili dan Zamri Mahamod (2022) menyatakan bahawa penerapan didik hibur secara kaedah pengajaran bersemuka berada pada tahap yang tinggi dan penerapan didik hibur secara kaedah pengajaran dalam talian pula berada pada tahap yang sederhana. Shakila Che Dahalan et al. (2022) dalam kajiannya menunjukkan empati sejarah murid dapat diterapkan melalui kaedah didik hibur. Kaedah didik hibur dalam pembelajaran Sejarah dapat dilaksanakan secara bersemuka untuk kelas tahun lima dan enam di sekolah agar dapat meningkatkan tahap pencapaian dan minat mereka terhadap mata pelajaran Sejarah. Walau bagaimanapun, guru perlulah sentiasa meningkatkan pengetahuan pedagogi mereka untuk menyampaikan pengajaran kepada murid dengan berkesan di samping meningkatkan tahap empati sejarah murid.

Berdasarkan sorotan di atas, kajian ini mendapati tujuh belas elemen didik hibur daripada pelbagai kajian oleh para sarjana. Kesemua tujuh belas elemen tersebut dinyatakan seperti jadual di bawah:

Jadual 1: Elemen-elemen Didik Hibur di Malaysia

<b>TEMA</b>	<b>Bil</b>	<b>Penulis</b>	<b>Dapatan Kajian</b>
<b>Elemen Didik Hibur Nyanyian</b>	1.	Norhaya Isa, Tuan Rozaimi Tuan Rani, Norazman Mohaimin & Rokiah Mohamed (2006):	Kajian ini hanya mengenal pasti pendekatan <b>kaedah nyanyian</b> merupakan satu pendekatan baru yang boleh membantu murid untuk membezakan antara perkara rukun dan sunat dalam solat bagi mata pelajaran Pendidikan Islam tetapi pendekatan tersebut tidak diaplikasikan untuk pengajaran tasmik Al-Quran.

- |  |  |  |
|--|--|--|
| <p><b>Elemen Didik Hibur Permainan</b></p> | <p>2. Hanisah Shaari (2010)</p> <p>3. Abdullah, R. &amp; Hussin, S. (2018)</p> <p>4. Hamzah, N., Omar, R., Ariffin, A., Rubani, S. N. K., &amp; Subramaniam, T. S. (2018)</p> <p>5. Iswandi Harahap (2022)</p> <p>6. Hanifah Sabin, Vincent Pang dan Muhammad Idris Bullare @ Bahar (2019)</p> <p>7. Khadijah Alavi, Rahim M. Sail, Lukman Abdul Mutalib, Anwar Ahmad, Shamsul Shah Trajo &amp; Nor Ellina Abdul Razak (2012):</p> | <p>Kajian ini hanya ke atas murid-murid yang terlibat dalam <b>aktiviti nyanyian</b> bagi menghafal fakta Isra' dan Mikraj. Beliau bersetuju dan yakin bahawa pendekatan ini telah memberi ruang dan peluang kepada murid untuk melibatkan diri dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran di samping merubah minat mereka untuk belajar tetapi pendekatan tersebut tidak aplikasikan untuk pengajaran tasmik Al-Quran.</p> <p>Amalan pengajaran yang berkesan hanya dengan penggunaan <b>kaedah lagu lebih aktif</b> berbanding model pengajaran konvensional bagi pembelajaran kosa kata bahasa Jepun di UPM. Sampel kajian lebih bermotivasi, tenang dan tidak bosan.</p> <p>Amalan pengajaran yang berkesan hanya dengan penggunaan <b>kaedah nyanyian</b> bagi menarik minat dan dapat meningkatkan persepsi terhadap daya ingatan pelajar Tahun 4 dalam mata pelajaran Reka Bentuk dan Teknologi.</p> <p>Dalam kajiannya membuktikan bahawa <b>Kaedah Berlagu atau Bernazam</b> mampu memberi kesan positif dalam meningkatkan daya ingatan hafalan hadis para pelajar. Hasil kajian menunjukkan bahawa pembelajaran menggunakan kaedah berlagu atau bernazam dapat menguasai dan mengingati 10 buah hadis dengan baik.</p> <p>Amalan pengajaran yang berkesan hanya dengan membangunkan Modul Riang Ria Membaca (MRRM) iaitu modul pengajaran membaca awal bagi kanak-kanak prasekolah di pedalaman Sabah menggunakan <b>kaedah nyanyian</b>.</p> <p>Kajian ini hanya ke atas Guru Cemerlang Pendidikan Islam untuk mendapatkan maklum balas tentang pengajaran ayat-ayat hafazan al-Quran menggunakan pendekatan Didik Hibur ini. Menurutnya, penggunaan <b>kaedah rentak ritma (belajar mengaji secara berirama)</b> dalam menghafaz al-Quran menjadikan murid cepat menghafaz dan menyeronokkan aplikasikan untuk pengajaran tasmik Al-Quran atau Tilawah Al-Quran sekolah rendah.</p> |
|--|--|--|

	2.	Nur Afiqah Fatin binti Saipullah & Mohd. Isa bin Hamzah (2020)	Kajian ini meninjau tahap <b>Penggunaan Multimedia</b> dalam PdPc bidang al-Quran dalam kalangan guru Pendidikan Islam (GPI) sekolah rendah di Sarawak serta tahap kesediaan GPI ini menggunakan multimedia dalam PdPc bidang al-Quran.
	3.	Sulaiman, Siti Fairuz, Mohd Ab Malek, Mohd Harun, Shamsol dan Hafidz (2018)	Amalan pengajaran yang berkesan hanya dengan penggunaan <b>aplikasi didik hibur</b> terhadap tajwid al-Quran.
<b>Elemen Didik Hibur Gabungan</b> (Nyanyian & Mnemonic)	1.	Norzira Binti Ahmad (2019)	Amalan pengajaran yang berkesan hanya dengan penggunaan <b>kaedah SINGONIM</b> yang menggabungkan <b>kaedah nyanyian dan salah satu kaedah mnemonic</b> iaitu melalui pembentukan akronim amat tepat bagi meningkatkan ingatan dan memaksimumkan penguasaan dan minat pelajar terhadap topik yang dipelajari di dalam kelas.
<b>Elemen Didik Hibur Gabungan</b> (Permainan, Nyanyian & ICT)	2	Siti Syuhaida, Harun Baharudin, Maimun Aqsha dan Afidah Azman (2019)	Amalan pengajaran di sekolah-sekolah agama (SRA) di Malaysia yang berkesan hanya dengan penggunaan <b>Kaedah Permainan</b> dalam bentuk pertandingan, <b>Kaedah Nasyid</b> dan <b>Kaedah Pengajaran Menggunakan ICT</b> .
<b>Elemen Didik Hibur Gabungan</b> (Bercerita, Berpuisi, berlakon & bernyanyi)	3.	Owing Ji Seng (2020)	Owing Ji Seng (2020) menyatakan bahawa pendekatan didik hibur membawa maksud berlaku proses PdPc yang mendidik sambil menghibur tetapi masih terikat dengan objektif pengajaran yang hendak dicapai. Oleh itu, pendekatan didik hibur yang berkesan merupakan pendekatan mengajar oleh guru yang bersahaja dan menyeronokkan dengan menekankan <b>aktiviti bercerita, berpuisi berlakon dan bernyanyi</b> .
<b>Elemen Didik Hibur Gabungan</b> (Berlakon & bernyanyi).	4.	Sajastanah bin Imam Koning, Mohd Nizam bin Nasrifan, Noor Wahida binti Md. Junus dan Norshahida binti Nor Azmi (2021)	Integrasi <b>Aktiviti Muzikal</b> dalam matematik dapat membantu guru-guru, pihak Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), pihak-pihak yang menyumbang kepada latihan guru seperti Institut Pendidikan Guru (IPG) dan universiti-universiti, sekolah-sekolah dan sektor yang berkaitan dengan pendidikan. Integrasi aktiviti muzikal dalam pengajaran dan pembelajaran matematik adalah salah satu usaha untuk mempelbagaikan kaedah pengajaran dalam bilik darjah yang bersesuaian dengan kehendak pembelajaran abad ke-21 (PAK-21)

<b>Elemen Didik Hibur Gabungan</b> (Nyanyian, Bercerita, lakonan & berpantun).	5. Pauline Unjong dan Zuraini Seruji (2022)	Dalam kajiannya untuk mendapatkan maklumat tentang penggunaan Kaedah Didik Hibur dalam Bahasa Melayu yang memfokuskan pengajaran dan pembelajaran untuk murid LINUS Tahun 3, kaedah didik hibur tersebut melibatkan empat elemen iaitu <b>nyanyian, bercerita, lakonan dan menggunakan pantun dua kerat.</b>
<b>Elemen Didik Hibur (Umum)</b>	1. Mohd Rosmadi Mohd Salleh & Hafizhah Zulkifli (2020)	Dalam proses pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam sekolah rendah yang berkesan, <b>Didik Hibur</b> merupakan salah satu kaedah pengajaran yang dikenalpasti dalam Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) agar murid dapat belajar dalam suasana yang santai dan menyeronokkan. Kajian ini dijalankan bertujuan untuk mengkaji sikap murid, kesediaan murid dan penerimaan murid terhadap pendekatan didik hibur dalam proses pembelajaran Pendidikan Islam.
	2. Shakila Che Dahalan et al. (2022)	Dalam kajiannya menunjukkan empati sejarah murid dapat diterapkan melalui <b>kaedah didik hibur</b> . Kaedah didik hibur dalam pembelajaran Sejarah dapat meningkatkan tahap pencapaian dan minat mereka terhadap mata pelajaran Sejarah. Walau bagaimanapun, guru perlulah sentiasa meningkatkan pengetahuan pedagogi mereka untuk menyampaikan pengajaran kepada murid dengan berkesan di samping meningkatkan tahap empati sejarah murid.

## PERBINCANGAN KAJIAN

Jadual ini jelas menunjukkan bahawa evolusi dalam menghasilkan sebuah amalan pengajaran yang berkesan sedikit demi sedikit tertumpu ke arah aktiviti-aktiviti yang melibatkan didik hibur. Inovasi pendekatan masa kini yang berpusatkan murid semakin berkembang seiring dengan kemajuan teknologi semasa. Hasil analisis literatur mendapati bahawa elemen-elemen amalan mengajar didik hibur yang berkesan boleh diperkasakan oleh guru tasmik dengan pelaksanaan pelbagai aktiviti yang berpusatkan murid serta mampu menarik minat mereka untuk belajar. Antara aktiviti yang seharusnya diperhalusi ialah seperti penggunaan aplikasi didik hibur untuk pembelajaran tajwid, pembelajaran kosa kata Arab dengan menggunakan lagu yang lebih aktif, aktiviti nyanyian untuk meningkatkan daya ingatan, Pembangunan Modul Riang Ria membaca al-Quran untuk pengajaran membaca awal bagi kanak-kanak, aktiviti pembentukan akronim dan gabungan nyanyian, aktiviti permainan atau gamifikasi, aktiviti bercerita, lakonan serta menggunakan pantun dua kerat dan akhir sekali kaedah bernazam.

Adalah diharapkan dengan penguasaan para guru tasmik di sekolah rendah dalam penggunaan elemen-elemen amalan pengajaran didik hibur yang berkesan ini akan membantu mereka memudahkan murid untuk memahami, menghayati dan menguasai mata pelajaran

Pendidikan Al-Quran. Guru tidak perlu berlumba-lumba untuk menghabiskan silibus sehingga menyebabkan murid mendapat pencapaian yang rendah lantas terus ketinggalan. Kepelbagaiannya elemen amalan pengajaran berasaskan didik hibur juga akan melenyapkan pandangan masyarakat bahawa guru Tasmik Al-Quran hanya selesa menggunakan kaedah *Talaqqi Mushafahah* sahaja, sedangkan mereka adalah golongan ilmuwan yang mempunyai keupayaan yang hebat dari segi kreatif dan inovasi dalam mendidik anak bangsa. Hasilnya potensi murid dapat dibangunkan secara menyeluruh dari aspek kematangan sosial, kognitif, emosi dan jalinan hubungan sosial yang positif.

## KESIMPULAN

Kajian ini mendapati bahawa pendekatan didik hibur sebagai amalan pengajaran yang berkesan perlu diterjemahkan juga secara menyeluruh dalam konteks pengajaran guru tasmik di Malaysia. Keberkesanannya pendekatan didik hibur ini juga wajar diuji cuba kepada pelbagai landskap samada di sekolah, rumah, pusat pemulihan dan termasuklah kepada komuniti gelandangan. Melalui pelaksanaan aktiviti berkonsepkan aktiviti didik hibur tersebut, guru tasmik mampu menarik perhatian murid dalam proses pembelajaran seterusnya meningkatkan kelancaran murid untuk membaca Al-Quran. Implikasi daripada sorotan ini menunjukkan justifikasi yang signifikan terhadap kajian lanjut berkaitan keperluan elemen-elemen amalan pengajaran oleh guru tasmik ini perlu diperhalusi sehingga dapat menghasilkan mekanisme atau modul khusus berkaitan amalan pengajaran guru tasmik yang berkesan agar boleh dilaksanakan secara efektif dan menyeluruh di seluruh Malaysia.

## PENGHARGAAN

Artikel ini merupakan sebahagian daripada aktiviti penyelidikan dana dari Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia yang didaftarkan di Pusat Pengurusan Penyelidikan dan Instrumenasi Universiti Kebangsaan Malaysia dengan kod FRGS/1/2023/SSI13/UKM/02/.

## RUJUKAN

Al-Quranul Karim.

Abdul Jamir Md Saad, Ab.Halim Tamuri & A'dawiyah Ismail. 2007. *Pembelajaran Aktif Dalam dan Pembelajaran Berkesan Pendidikan Islam*. Fakulti Pendidikan Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia.

Abdullah, R. & Hussin, S. (2018). Penggunaan Lagu dalam Meningkatkan Penggunaan Kosa Kata dalam Kalangan Pelajar Bahasa Jepun di Universiti Putra Malaysia. *Komunikasi: Malaysian*, 34(3).

Ahmad. N. (2019). *Keberkesanannya Kaedah SINGONIM Dalam Membantu Pelajar Mengingat 13 Rukun Solat*. International Innovation Teaching and Learning Language Education Conference (INTELEC). Universiti Teknologi MARA.

Berenyi, L. & Deutsch. N. 2018. Effective teaching methods in business higher education: A student's perspective. *International Journal of Education and Information Technologies*, 12: 37-45.

Hamzah, N., Omar, R., Ariffin, A., Rubani, S. N. K., & Subramaniam, T. S. (2018). Penggunaan Kaedah Nyanyian Dalam Mata Pelajaran Reka Bentuk Dan Teknologi. *Online Journal for TVET Practitioners*.

- Hanifah Sabi, Vincent Pang & Muhammad Idris Bullare@Bahar (2019). Modul Membaca Awal Prasekolah Menggunakan Nyanyian Berasaskan Teori Psikolinguistik Kognitif dan Aplikasi Kaedah Belajar melalui Bermain. *Jurnal Pendidikan Malaysia*, 44(1)(2019): 45-58.
- Hanisah Shaari (2010) *Meningkatkan Kemahiran Menghafal Fakta dalam Tajuk Israk Mikraj Tahun lima Melalui Kaedah ‘Cerna’*. Kuala Terengganu. Institut Pendidikan Guru.
- Iswandi Harahap, Muhammad ‘Azim Mohd Rodhi, Muhamad Wazir Muslat, Adlin Salleh, Mualimin Mochammad Sahid (2022) *Keberkesanan Kaedah Nazām Untuk Meningkatkan Daya Hafalan Ilmu Hadis Dalam Kalangan Pelajar Ma’had Tahfiz*. Fakulti Pendidikan dan Sains Sosial, Universiti Selangor, Pusat Pengajian Asasi dan Umum, Universiti Selangor, Fakulti Syariah dan Undang-Undang, Universiti Sains Islam Malaysia.
- Ismail Zain. (2002). *Aplikasi Multimedia Dalam Pengajaran*. Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distributors Sdn. Bhd.
- Kamarul Azmi, J, Mohd Faeez, I, Ab. Halim, T. & Mohd Izham, M. H. (2011). Amalan penggunaan bahan bantu mengajar dalam kalangan guru cemerlang pendidikan Islam sekolah menengah di Malaysia. *Journal of Islamic and Arabic Education*, 3(1): 59-74.
- Khadijah Alavi, Rahim M. Sail, Lukman Abdul Mutalib, Anwar Ahmad, Shamsul Shah Trajo & Nor Ellina Abdul Razak (2012) *Kecerdasan Sosial Dan Emosi Guru Cemerlang Pendidikan Islam Dalam Meningkatkan Prestasi Pelajar*. Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, UKM.
- Layang Ugek; Jamaludin Badusah 2018. Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia; Language: English, Database: UKM Journal Article Repository (UJAR).
- Mohd Aderi Che Noh .2009. Amalan Pengajaran Tilawah Al-Quran: Satu Tinjauan Terhadap Persepsi Guru di Sekolah Menengah Harian Malaysia. *JIAE: Journal of Islamic and Arabic Education*, 1(1): 57-72.
- Mohd Rosmadi Mohd Salleh & Hafizhah Zulkifli (2020) *Penggunaan Didik Hibur Dalam Pendidikan Islam Sekolah Kebangsaan*. Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mohd Izzuddin Mohd Pisol, Azmil Hashim & Kamarulzaman Abd. Ghani (2015). *Kesediaan Guru Dalam Pengajaran Model Tasmik Program J-Qaf*. Fakulti Sains Kemanusiaan, Universiti Pendidikan Sultan Idris, Pusat Pengajian Bahasa & Pembangunan Insaniah, Universiti Malaysia Kelantan.
- Mohd. Isa bin Hamzah (2020) *Teknologi Maklumat dan Komunikasi (TMK) dalam Pengajaran dan Pembelajaran Guru Cemerlang Pendidikan Islam di Negeri Selangor*. Tesis Sarjana. Universiti Kebangsaan Malaysia
- Norhaya Isa, Tuan Rozaimi Tuan Rani, Norazman Mohaimin & Rokiah Mohamed (2006): Meningkatkan Kemahiran Membezakan Perkara Rukun Dengan Perkara Sunat Dalam Solat Melalui Pendekatan Permainan Monopoli. *Jurnal Kajian Tindakan Negeri Johor*.
- Nur Afiqah Fatin binti Saipullah (2020) *Tahap Penggunaan Multimedia Dalam Pengajaran Bidang Al-Quran: Satu Kajian Rintis Terhadap Guru Pendidikan Islam Di Sarawak*.
- Norzira Binti Ahmad (2019) *Keberkesanan Kaedah SINGONIM Dalam Membantu Pelajar Mengingat 13 Rukun Solat*. Unit Pendidikan Islam Dan Moral, Jabatan Pengajian Am, Universiti Teknologi MARA.
- Owing Ji Seng (2020) *Perbezaan Tahap Pengetahuan Dan Sikap Guru Terhadap Pendekatan Didik Hibur Dalam Pengajaran Bahasa Melayu Sekolah Rendah*. Masters thesis, Universiti Putra Malaysia.
- Pauline Unjong dan Zuraini Seruji. 2022, Pelaksanaan Didik Hibur Dalam Pengajaran dan Pembelajaran Membaca Bahasa Melayu Murid Linus Tahun 3. *Asian People Journal*, 5(1): 22-30.

- Raba, A. A. 2017. The Impact Of Effective Teaching Strategies On Producing Fast And Good Learning Outcomes. *International Journal of Research – Granthaalayah*, 5(1): 43-58.
- Unal, M. 2017. Preferences of teaching methods and techniques in mathematics with reasons. *Universal Journal of Educational Research*, 5(2): 194-202. doi: 10.13189/ujer.2017.050204.
- Sajastanah bin Imam Koning, Mohd Nizam bin Nasrifan, Noor Wahida binti Md. Junus & Norshahida binti Nor Azmi (2021), Integrasi Aktiviti Muzikal Dalam Pengajaran Dan Pembelajaran Matematik: Satu Kajian Literatur. *Jurnal Pendidikan*. Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Salimiah @ Sazarinah Jamili dan Zamri Mahamod (2022) *Perbezaan penerapan aktiviti didik hibur secara bersemuka dan dalam talian berdasarkan jantina dan pengalaman mengajar guru bahasa melayu sekolah rendah*. Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Selangor, Malaysia.
- Shakila Che Dahalan, Abdul Razaq Ahmad, Wan Yee Ooi (2022) Keberkesanan Didik Hibur Terhadap Empati Sejarah dalam kalangan Murid Tahun Empat di Daerah Kota Setar, Kedah. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities* (MJSSSH).
- Sulaiman Mahzan, Siti Fairuz Nurr Sadikan, Mohd Ab Malek Md Shah, Mohd Harun Shahudin, Shamsol Shafie dan Mohamad Hafidz Rahmat (2018) *Aplikasi Didik Hibur Tajwid al-Quran (Teroka Tajwid): Kajian Awal Persepsi Pengguna*. Universiti Teknologi MARA Cawangan Melaka & Universiti Teknologi MARA Cawangan Negeri Sembilan.
- Shuhaila Ab.Jawas & Hafizhah Zulkifli (2022) Amalan Pengajaran Kreatif Guru Pendidikan Islam Bagi Murid Berkeperluan Khas Masalah Pembelajaran. *QALAM International Journal of Islamic and Humanities Research* (Volume 2, No. 1, 2022, Pages 1-9).
- Sogunro, O. A. 2017. Quality Instruction As A Motivating Factor In Higher Education. *International Journal of Higher Education*, 6(4): 173-184.
- Siti Syuhaida Misnan; Harun Baharudin; Maimun Aqsha Lubis; Afidah Azman (2019) *Penggunaan teknik didik hibur dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Arab di Sekolah Rendah Agama (SRA) Politeknik Negeri Medan & Universitas Islam Negeri Sumatera Utara (UIN SU)*. Fakulti Pendidikan UKM: Learning and Research Repository, 2019-05-19.
- Zaleha Ismail & Azhari Mariani (2011) *Pengaruh Kompetensi Guru Matematik Ke Atas Amalan Pengajaran Kreatif*. Fakulti Pendidikan, Universiti teknologi Malaysia, Johor, Malaysia.